

Nama Murid:

Sejarah Tahun 5

Unit 7 : Yang Di- Pertuan Agong Teras Kedaulatan Negara

7.1

Ketua Utama Negara

1. Pilih **Betul** bagi pernyataan yang **betul** dan **Salah** bagi pernyataan yang **salah**.
 - (a) Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Utama Negara.
 - (b) Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong merupakan lambang perpaduan rakyat Malaysia.
 - (c) Sembilan orang raja melayu dalam Majlis Raja- Raja akan membuat undian sulit bagi melantik Yang di- Pertuan Agong.
 - (d) Yang di-Pertuan Agong dipilih secara bergilir- gilir.
 - (e) Yang di-Pertuan Agong memegang jawatan tersebut sehingga kerajaan baharu terbentuk.
 - (f) Keputusan Majlis Raja- Raja melantik Yang di-Pertuan Agong diisytiharkan oleh Perdana Menteri.
 - (g) Yang di-Pertuan Agong memayungi Badan Perundangan, Badan Eksekutif, dan Badan Kehakiman.
 - (h) Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah atau ikrar dan menandatangani surat sumpah memegang jawatan dalam mesyuarat Majlis Raja- Raja.

2. (a) Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang **betul**.

Majlis Raja- Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun _____
 bagi menggantikan _____. Majlis Raja- Raja yang
 dianggotai oleh _____ orang raja Melayu dan _____
 orang Yang di- Pertua Negeri. Antara tugas utama Majlis Raja-
 Raja ialah memilih _____. Pemilihan ini dibuat melalui
 proses _____ oleh raja- raja Melayu. Yang di-Pertuan Agong
 akan menjalankan tugas baginda selama _____ tahun.

(b) Nyatakan proses pemilihan Yang di-Pertuan Agong.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Raja- Raja Melaksanakan proses pengundian bagi pemilihan Yang di-Pertuan Agong. |
| <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Raja- Raja mengisytiharkan nama Yang di-Pertuan Agong yang baharu. |
| <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Raja- Raja memperkenankan Tarikh Mesyuarat Pemilihan Yang di-Pertuan Agong |

Sebelum Pemilihan Yang
di- Pertuan Agong

Semasa Pemilihan Yang
di- Pertuan Agong

Selepas Pemilihan Yang
di- Pertuan Agong

3. Susun semula urutan pertabalan Yang di-Pertuan Agong dengan jawapan yang diberikan.



Yang di-Pertuan Agong mengucup Keris Kerajaan sebagai Ketua Utama Negara pada majlis istiadat pertabalan.



Yang di-Pertuan Agong menandatangani surat sumpah memegang jawatan yang disebarkan oleh Penyimpanan Mohor Besar Raja- Raja.



Yang di-Pertuan Agong melafazkan ikrar untuk menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama pada majlis istiadat pertabalan.



Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah memegang jawatan dalam Mesyuarat Majlis Raja- Raja.



Perdana Menteri membacakan Watakah Pengisytiharan di hadapan Yang di- Pertuan Agong pada majlis istiadat pertabalan.

